




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI RABU: 3 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 6, 13 HINGGA 33)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5,
7 HINGGA 12**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.12.2008

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dikutip setiap tahun dari Pulau Pinang sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut cukai perseorangan, korporat dan lain-lain. Berikan juga bilangan pembayar cukai dan berapa banyak yang dikembalikan kepada negeri Pulau Pinang setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sistem kutipan cukai berdasarkan negeri hanya diwujudkan mulai tahun 2001. Kutipan cukai sebelum tahun tersebut adalah berdasarkan kawasan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pecahan kutipan cukai mengikut kategori cukai pendapatan syarikat, individu dan lain-lain yang dikutip di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2001 adalah seperti berikut:

TAHUN	SYARIKAT (RM Juta)	INDIVIDU (RM Juta)	LAIN-LAIN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2001	1,033.72	675.66	278.48	1,987.86
2002	1,289.29	461.41	408.39	2,159.09
2003	1,123.18	599.43	276.67	1,999.28
2004	1,056.20	632.77	355.45	2,044.42
2005	1,222.17	737.38	275.93	2,235.48
2006	1,320.76	815.93	310.21	2,446.90
2007	1,540.41	940.78	265.25	2,746.44
Jumlah (2001- 2007)	8,585.73	4,863.36	2,170.38	15,619.47

2. Bilangan pembayar cukai di negeri Pulau Pinang dari tahun 2001 pula adalah seperti berikut:

TAHUN	SYARIKAT	INDIVIDU	LAIN-LAIN
2001	27,077	365,176	13,410
2002	29,793	393,344	15,871
2003	31,545	423,169	17,570
2004	33,451	429,130	17,534
2005	35,186	422,852	18,054
2006	36,841	437,290	18,732
2007	38,286	467,187	21,304

3. Manakala jumlah pemberian dalam bentuk geran kepada negeri Pulau Pinang dari tahun 2001 adalah seperti berikut:

TAHUN	GERAN (RM Juta)
2001	73.65
2002	95.57
2003	93.43

TAHUN	GERAN (RM Juta)
2005	88.80
2006	96.87
2007	126.87

4. Walau bagaimanapun, jumlah pemberian ini tidak termasuk jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan melalui kementerian dan agensi Persekutuan yang lain.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]
TARIKH : 03.12.2008 (RABU)
SOALAN : 7

TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan segala kaedah yang sudah diputuskan dan yang akan atau sedang dilaksanakan bagi membantu meringankan bebanan penduduk di pedalaman Sarawak ekoran dari kenaikan harga bahan api dan harga barang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peningkatan harga minyak mentah dunia baru-baru ini pada USD127.79 setong menyebabkan Kerajaan melaksanakan penstrukturan semula subsidi petrol dan diesel. Bekuatkuasa pada 5 Jun 2008, harga bagi minyak petrol telah dinaikkan sebanyak RM0.78 seliter kepada RM2.70 seliter dan minyak diesel dinaikkan sebanyak RM1.00 seliter kepada RM2.58 seliter berikutan kenaikan berterusan harga minyak dunia. Susulan daripada itu, harga barangan dan perkhidmatan lain juga didapati turut meningkat.

Pada masa ini, harga minyak mentah dunia telah turun dan Kerajaan telah mengambil tindakan menurunkan harga runcit minyak petrol dan diesel sebanyak lima (5) kali. Kini harga runcit

petrol RON97 adalah RM2.00 seliter, RON92 RM1.90 seliter serta diesel pada RM1.90 seliter. Walau bagaimanapun, penurunan ini kurang memberi kesan penurunan harga barangan dan perkhidmatan seperti yang diharapkan.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk membantu rakyat termasuk di Sabah dan Sarawak bagi mengurangkan kesan perubahan harga petrol dan diesel. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah dengan memperkenalkan sistem pemberian subsidi minyak menerusi Sistem Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS/Fleetcard) yang telah dilaksanakan sejak 1 Mac 2006. Melalui sistem ini, 20 jenis kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam yang layak menikmati diesel bersubsidi pada harga RM1.43 seliter. Langkah ini bertujuan menampung peningkatan kos operasi memandangkan Kerajaan tidak membenarkan kenaikan harga tambang bagi pengangkutan awam. Bagi kenderaan perdagangan, ia bertujuan untuk mengelakkan daripada pengusaha memindahkan kos kenaikan harga minyak melalui caj atau upah yang dikenakan. Selain itu, teksi dan kereta sewa yang menggunakan petrol juga diberikan petrol bersubsidi pada harga RM1.92 seliter bermula pada 29 Julai 2008.

Kerajaan juga masih meneruskan pemberian subsidi kepada bot-bot penumpang sungai di negeri Sarawak yang menggunakan enjin diesel pada harga RM1.43 seliter. Berikut merupakan ringkasan pemberian subsidi petrol dan diesel di Sarawak :

	Jenis Kenderaan	Bilangan	Kuota liter/sebulan
i.	Kenderaan fleet diesel	16,493	26,515,230 liter
ii.	Bot Penumpang Sungai	293	9,820,000 liter
iii.	Teksi/Kereta Sewa Petrol	825	594,000 liter

Anggaran jumlah subsidi yang diberikan sebulan adalah RM25,334,267.00

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menyeragamkan harga *Liquefied Petroleum Gas (LPG)*, dengan izin di seluruh negara pada harga RM1.75/kg mulai pada 16 April 2008. Sebelum ini harga runcit LPG di Sabah dan Sarawak adalah RM1.83/kg.

Di samping itu, Kerajaan juga akan melaksanakan satu projek '*trial run*' barang-barang perlu yang dikawal harga oleh Kerajaan seperti beras ST15%, tepung gandum kegunaan am (GP) dan minyak masak sawit peket 1 kg di daerah Saratok, Sarawak dan Sipitang, Sabah. Projek ini adalah merupakan program yang ketiga dijalankan selepas 2 projek yang telah dijalankan di daerah Seberang Prai Utara, Pulau Pinang dan daerah Pekan, Pahang. Objektif program ini adalah untuk memastikan barangan bersubsidi sampai kepada golongan sasaran dan diperolehi pada harga kawalan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Bantuan Minyak (JKTB) pada 18 Julai 2008 bagi mengkaji mekanisme yang sesuai yang boleh dilaksanakan untuk memastikan penduduk pedalaman mendapat bekalan minyak pada harga bersubsidi seperti mana dinikmati oleh penduduk di kawasan bandar. Langkah ini diambil berikutan masalah yang dihadapi penduduk pedalaman Sarawak yang perlu membeli petrol dan diesel pada harga yang tinggi iaitu sekitar RM3.00 ke RM7.50 seliter. Antara cadangan yang dikenalpasti ialah membina depot-depot minyak di kawasan pedalaman bagi memudahkan rakyat memperolehi bahan bakar tersebut dengan lebih mudah dan menikmati harga subsidi bahan tersebut pada kadar yang sepatutnya.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI AB. AZIZ
BIN AB. KADIR
(KETEREH)**
TARIKH : **03 DISEMBER 2008**
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan status terkini pelaburan dana PPRT dalam Projek Telur Emas di Gading Galoh Bukit Cina, Kelantan:

- (a) Adakah ibu tunggal yang menjadi peserta kepada projek tersebut masih lagi menerima dividennya; dan
- (b) Kenapakah namanya telah bertukar kepada Glowing Hill Sdn. Bhd dan dimanakah projek tersebut beroperasi kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Projek Ternakan Ayam Telur di Gading ini telah ditutup operasinya pada bulan Mei 2005.

(a) Oleh kerana itu, ibu tunggal yang menjadi peserta kepada projek tersebut tidak lagi menerima dividen.

(b) Projek tersebut telah bertukar nama kepada Glowing Hill Sdn. Bhd. Kerana ianya diambilalih oleh syarikat berkenaan mulai Mac 2002.

LAMPIRAN W

SOALAN 19/15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI
AZIZ [SRI GADING]
TARIKH : 3 DISEMBER 2008
SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

adakah aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Malaysia akan diteruskan pada setiap tahun memandangkan industri perhotelan yang dikatakan terjejas teruk pada masa kini.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelancongan tidak berhasrat untuk meneruskan kempen Tahun Melawat Malaysia (*Visit Malaysia Year*) di masa akan datang. Kempen ini telah pun ditamatkan pada 31 Ogos 2008 yang lalu dan penggunaan logo "*Visit Malaysia Year*" juga telah dimansuhkan di dalam semua kempen promosi anjuran Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia.

Namun begitu, Kementerian ini telah menyusun pelbagai langkah untuk meringankan impak dan kesan akibat kemelesetan ekonomi terhadap industri perhotelan dan pelancongan. Di antara langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

- Menggalakkan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran terhadap pasaran yang khusus seperti China, India dan Timur Tengah termasuk juga negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Brunei.

- Terus menganjurkan acara-acara ikon bagi menarik kedatangan para pelancong seperti acara *Colours Of Malaysia* dan "*Thematic Events*".
- Terus giat mempromosikan produk-produk pelancongan khusus seperti eko-pelancongan, homestay, pelancongan kesihatan dan MICE dan;
- Menggalakan pelancongan domestik melalui kempen ZOOM! Malaysia yang dapat menyokong industri perhotelan negara.

NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- DARIPADA : Y.B. Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- PERTANYAAN : Lisan
- TARIKH : 3 Disember 2008
- SOALAN : Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)
Meminta Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan:
- a) apakah hasil kajian MIER (Malaysian Institute of Economic Research) ke atas BERNAS memandangkan kerugian operasi BERNAS sejak April 2008; dan
 - b) adakah Kerajaan meletakkan BERNAS di bawah kawalan Kerajaan akibat dari kemerosotan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) telah melantik Syarikat KPMG Sdn. Bhd. untuk melaksanakan kajian ke atas Terma dan Syarat Penswastaan BERNAS. Hasil kajian dijangka akan siap pada bulan Disember 2008. Manakala MIER pula akan membuat kajian mengenai dasar dan kemajuan pembangunan industri padi dan beras dan hasil kajian MIER akan siap pada bulan Februari 2009.

- b) Mengenai kedudukan BERNAS pula, tiada cadangan untuk meletakkan BERNAS di bawah kawalan Kerajaan kerana BERNAS telah melaksanakan tanggungjawabnya sepertimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi BERNAS yang antara lainnya seperti membekalkan beras pada harga yang munasabah dan menguruskan stokpail beras negara. Walau bagaimanapun, keputusan lanjut akan dibuat dengan mengambilkira hasil daripada kajian-kajian berkenaan.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN ABD. RAHMAN BAKRI (SABAK BERNAM)

TARIKH : 3 DISEMBER 2008 (RABU)

SOALAN : minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:
Bagaimana langkah Kementerian dapat membantu meningkatkan harga kelapa kepada pekebun-pekebun kelapa di Malaysia terutama di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari akan masalah pekebun-pekebun kelapa di Malaysia terutama di tiga kawasan pengeluaran kelapa terbesar iaitu Sabak Bernam, Selangor, Bagan Datoh, Perak dan Batu Pahat, Johor. Harga kelapa yang rendah ditambah dengan hasil yang rendah akan memberikan pendapatan yang rendah.

Kebanyakan kawasan kelapa ini terdiri daripada jenis *Malayan Tall*. Pokoknya tinggi dan hasilnya rendah iaitu sekitar 3,500 biji/ha/tahun

dengan harga bersih kelapa di peringkat ladang lebih kurang RM0.30 sebiji.

Pada umumnya, harga kelapa di peringkat ladang lebih tinggi antara RM0.50 - RM0.80/biji, sekiranya buah dijual sebagai kelapa muda untuk minuman segar. Walau bagaimanapun, pada masa ini agak sukar untuk memetik hasil kelapa muda kerana keadaan pokok kelapa sedia ada terlalu tinggi.

Oleh itu, Jabatan Pertanian telah dan sedang menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula kelapa tua dengan kelapa *Pandan* dan jenis kelapa hibrid yang berhasil tinggi seperti *MATAG* yang boleh memberi hasil sehingga 20,000 biji/hektar/tahun sekiranya diurus dengan baik.

Selain itu, peningkatan harga kelapa boleh diperoleh melalui beberapa pendekatan iaitu:

i) **Memajukan Industri Nilai Tambah**

Aktiviti nilai tambah berasaskan kelapa seperti menghasilkan serbuk santan, nata de coco, karbon teraktif dari tempurung kelapa dan cocopeat dari sabut kelapa dapat meningkatkan permintaan kelapa biji. Kajian oleh Coconut genetic Resources Network (COGENT) mendapati peningkatan aktiviti nilai tambah boleh meningkatkan permintaan dan harga kelapa pada kadar 5%-10%

ii) **Menggalakkan Penglibatan Petani Dalam Pemasaran**

FAMA telah mewujudkan 279 buah pasar tani di seluruh negara. Penjualan kelapa secara terus kepada pengguna di pasar tani boleh mengurangkan kos-kos yang terlibat dalam pemasaran kelapa dari ladang kepada pengguna. Dengan kedudukan harga sekarang pada tahap RM0.65/biji di ladang,

petani boleh mendapat nilai jualabn pada harga RM0.80/biji di pasar tani.

- iii) **Penglibatan Petani Sepenuh masa Dalam Industri kelapa**
Majoriti petani yang terlibat dalam industri kelapa menggunakan buruh upahan untuk kerja-kerja kait dan kopek. Kos yang dilibatkan untuk kerja-kerja ini berjumlah R<0.15/biji. Memandangkan kerja-kerja ini dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu di samping kos kos-kos lain, kos upah kait dan kopek adalah RM0.25/biji. Dengan itu, petani hanya menerima RM0.40/biji setelah ditolak kos upah. Bagi memastikan petani mendapat harga yang maksima, kerja-kerja kait dan kopek perlu dilaksanakan oleh petani sendiri.
- iv) **Melaksanakan Pengurusan Ladang Yang Betul**
Kebun yang semak dan tidak diuruskan dengan betul akan mengakibatkan pengeluaran hasil yang rendah dan 30% hasil adalah gred yang sub-standard. Untuk gred biasa (ABC) harga pasaran adalah RM0.65/biji dan gred sub-standard hanya RM0.40/biji. Pengurusan ladang yang baik, pembajaan dan pembersihan kawasan ladang dapat menghasilkan gred kelapa yang lebih baik dan menjamin harga yang lebih tinggi kepada petani.

Selain daripada usaha-usaha di atas, Kerajaan juga telah menyediakan insentif pengeluaran tanaman di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008, di mana pekebun-pekebun kelapa yang layak boleh memohon insentif ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Sekiranya diluluskan, mereka akan memperolehi insentif sebanyak RM78.00 bagi setiap metrik tan buah kelapa yang dijual atau RM0.078 bagi setiap biji dengan andaian berat buah 1 kg/biji. Insentif ini diberi bertujuan untuk meringankan beban pengusaha berikutan kenaikan kos

pengeluaran dan juga untuk menggalakkan peningkatan pengeluaran tanaman makanan. Untuk menikmati insentif ini, pekebun-pekebun kelapa perlu mendaftar dengan Jabatan Pertanian terdekat dan memohon insentif menggunakan borang khas yang akan diberi percuma.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN
(BATU GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.12.2008

Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada jumlah pelbagai cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri apakah pecahan yang dikutip daripada setiap negeri dan nyatakan kesediaan LHDN menyediakan kaunter kutipan bayaran di cawangan-cawangan untuk kemudahan pembayar cukai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pecahan kutipan cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam peratusan bagi setiap negeri pada tahun 2007 adalah seperti berikut:

NEGERI	% KUTIPAN
Perlis	0.1
Kedah	0.7
Pulau Pinang	3.7
Perak	1.7
Selangor	4.2
Negeri Sembilan	0.7
Melaka	0.8

NEGERI	% KUTIPAN
Johor	3.6
Pahang	0.6
Terengganu	0.3
Kelantan	0.2
Sarawak	3.4
Sabah	2.8
W. P. Kuala Lumpur	77.2
Jumlah	100.0

2. Bagi tujuan pembayaran cukai pendapatan secara tunai, LHDN telah menyediakan tiga (3) kaunter bayaran tunai iaitu di lokasi-lokasi seperti berikut:

- i. Cawangan Kuala Lumpur untuk Semenanjung Malaysia;
- ii. Cawangan Kota Kinabalu untuk negeri Sabah; dan
- iii. Cawangan Kuching untuk negeri Sarawak.

3. Selain itu, LHDN juga telah melantik empat (4) buah bank sebagai ejen kutipan cukai pendapatan iaitu CIMB Bank, Public Bank Berhad, Maybank dan RHB Bank yang menyediakan kemudahan seperti berikut:

Bank	Kemudahan Disediakan
CIMB Bank	Bayaran di kaunter bank dan perbankan internet.
Public Bank Berhad	Bayaran di kaunter bank, perbankan internet dan ATM.
Maybank	Bayaran di kaunter bank, perbankan internet, ATM dan <i>phone banking</i> .
RHB Bank	Perbankan internet untuk bayaran Potongan Cukai Berjadual (PCB).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
TARIKH : 3 DISEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO. 19

Tuan P. Ramasamy A/L Palanisamy [Batu Kawan], minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik pengambilan pelajar baru tahun pertama ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam bagi tahun 2008 mengikut golongan etnik dan menjelaskan komposisi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komposisi kemasukan pelajar baru bagi tahun 2008 ialah 62.19% kaum Bumiputera, 30.90% kaum Cina dan 6.84% kaum India. Manakala peratusan komposisi populasi rakyat Malaysia bagi kohort 17 hingga 23 tahun yang merupakan jajaran umur kemasukan ke IPT iaitu 70% Bumiputera, 21% Cina, 7% India dan 2% lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengambilan pelajar mengikut kuota telah dihapuskan dan diganti dengan dasar meritokrasi yang telah diguna pakai sejak Sesi Akademik 2002/2003. Mulai Sesi Akademik 2007/2008, dasar meritokrasi mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Melalui kaedah ini, pemilihan kemasukan pelajar adalah berdasarkan susunan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi setiap program pengajian di IPTA. Sistem ini memberi layanan yang sama kepada setiap pelajar tanpa mengira jurang pendapatan, wilayah, perbezaan etnik dan keupayaan fizikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDRAM
[KAPAR]**
TARIKH : 3 DISEMBER 2008
RUJUKAN : 1360

SOALAN :

**Tuan Manikavasagam A/L Sundram [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk mengadakan sekatan jalan pada 14 Julai 2008 untuk mengelakkan perhimpunan di hadapan Parlimen; dan
- (b) berapakah jumlah kerugian dari sudut ekonomi disebabkan oleh sekatan jalan tersebut kepada rakyat jelata dan apakah langkah yang diambil untuk mengelakkan kejadian seumpama ini daripada berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah wang yang dibelanjakan bagi mengadakan sekatan jalan raya pada 14 Julai 2008 merupakan kos operasi biasa pihak polis dan tidak melibatkan implikasi kewangan di luar jangkaan. Ini kerana, tugas mengawal keselamatan dan ketenteraman awam merupakan tugas rutin pihak polis dan oleh yang demikian tidak memerlukan sebarang peruntukan khas bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Dari sudut ekonomi, jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung adalah tinggi sekiranya huru-hara berlaku di dalam negara. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggung jawab pihak polis bagi memastikan ekonomi dan kehidupan rakyat tidak terganggu serta ketenteraman awam berjalan lancar. Soal kerugian ekonomi tidak timbul dan tidak perlu dipersoalkan ini kerana tindakan pihak polis mengadakan sekatan pada 14 Julai 2008 tersebut kerana ia adalah tindakan pencegahan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 3 DISEMBER 2008

SOALAN:

Dato' Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah seramai 9.8 juta nama pengundi yang tidak layak mengundi masih terdapat dalam daftar pemilih sehingga sekarang. Jika benar, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membersihkan nama-nama tersebut sebelum Pilihan Raya Umum ke- 13.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pendaftaran pemilih sehingga bulan Jun 2008, jumlah pemilih yang berdaftar dengan SPR adalah seramai 10,988,470 orang. Sekiranya benar dakwaan berkenaan bahawa pemilih yang tidak layak mendaftar adalah seramai 9.8 juta, maka logiknya, baki pemilih yang sah di Malaysia hanyalah tinggal 1,188,470 orang sahaja. Walhal, warganegara Malaysia yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih pada masa kini berjumlah 14,736,987 orang.

Oleh itu, dakwaan yang mengatakan bahawa terdapat 9.8 juta nama pengundi yang tidak layak masih terdapat di dalam daftar pemilih SPR adalah tidak benar. Dakwaan tersebut mungkin dibuat oleh pihak tertentu, bermotifkan sentimen politik semata-mata, tanpa rasa tanggungjawab terhadap rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 3 DISEMBER 2008

SOALAN:

BELIAU MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN KEDUDUKAN JALAN RAYA
PERSISIRAN PANTAI DARI PORT DICKSON KE
NEGERI MELAKA DENGAN MEMBERIKAN TARIKH
JANGKA SIAP KESELURUHANNYA DAN KOS YANG
TERLIBAT.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DALAM RMK 9 KERAJAAN TIADA CADANGAN UNTUK MEMBINA JALAN RAYA PERSISIRAN PANTAI DARI PORT DICKSON KE NEGERI MELAKA. WALAU BAGAIMANAPUN, KERAJAAN ADA MELAKSANAKAN PROJEK MEMBINA JALAN BARU DARI LEBUHRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON KE LALUAN PERSEKUTAN 5 DI PASIR PANJANG DAN DARI PASIR PANJANG KE LINGGI, NEGERI SEMBILAN YANG DIBAHAGIKAN KEPADA DUA (2) SEKSYEN IAITU:

- i) SEKSYEN 1: MENAIKTARAF LALUAN PERSEKUTUAN 5 DARI PASIR PANJANG KE LINGGI DAN MEMBINA JALAN BARU SEPANJANG 4.3 KM; DAN

- ii) SEKSYEN 2: MEMBINA JALAN BARU DARI LEBUHRAYA SEREMBAN PORT-DICKSON KE PASIR PANJANG.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT JUGA, KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK INI BAGI SEKSYEN 1 IALAH 63% MANAKALA BAGI SEKSYEN 2 PULA IALAH 36%. KOS KESELURUHAN PROJEK IALAH RM 207 JUTA DAN PROJEK INI DIJANGKA AKAN DAPAT DISIAPKAN PADA BULAN OKTOBER 2009.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ZAHARAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2008 (RABU)

**SOALAN : Dato' Zaharain Mohamed Hashim [BAYAN
BARU] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan adakah daging kerbau yang diimport dari India selamat
untuk dimakan memandangkan kandungan bakterianya yang tinggi.**

JAWAPAN;

Tuan Yang Dipertua,

Melalui pemantauan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), daging kerbau yang diimport dari India adalah selamat untuk dimakan. Hasil daripada pemantuan daging beku India oleh JPV menunjukkan kadar pencemaran adalah rendah iaitu antara 3.5% hingga 7.5% sahaja, dan daripada keputusan tersebut, tidak ada patogen berbahaya (*E.Coli* 0157) dikesan dalam mana-mana daging yang diimport setakat ini.

Pemeriksaan ke atas loji-loji di negara India sebelum mengimport daging ke negara ini memberi jaminan bahawa daging import dari negara India ke Malaysia adalah selamat dimakan. Malah, kerajaan

melalui JPV juga senantiasa memantau kebersihan, kesucian dan keselamatan bekal daging import dari India dengan melakukan pemeriksaan ke atas loji-loji pengeksport dari semasa ke semasa.

Di samping kadar pencemaran yang rendah, budaya masyarakat negara ini yang hanya memakan daging yang dimasak sepenuhnya juga dapat memusnahkan bakteria dan patogen lain seterusnya mengurangkan kadar kontaminasi pada daging tersebut, berbanding di negara-negara barat yang mengamalkan budaya memakan daging separuh masak atau mentah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)
TARIKH : 3.12.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana keberkesanan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keberkesanan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) termasuk di kawasan luar bandar boleh dinilai berpandukan beberapa indikator antaranya ialah pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris.

Pencapaian murid ini boleh dinilai berasaskan kajian, keputusan peperiksaan awam dan penilaian berasaskan sekolah. Jika diteliti keputusan peperiksaan awam, pelaksanaan PPSMI memberi kesan yang positif kepada pencapaian bahasa Inggeris di peringkat PMR dan SPM bagi calon luar bandar. Walau bagaimanapun pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris bagi murid di luar bandar masih rendah jika dibandingkan dengan murid di bandar.

Berasaskan dapatan kajian pencapaian murid, trend perbezaan pencapaian murid di bandar dan luar bandar sebelum dan selepas PPSMI adalah sama,

dimana pencapaian murid bandar juga lebih baik daripada murid di luar bandar. Tetapi didapati kelompok murid Sains Tulen di sekolah menengah menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik dalam mata pelajaran Sains dan Matematik berbanding dengan murid kelompok Sains Tambahan dan kelompok Sastera.

Berasaskan kajian yang sama, di peringkat sekolah rendah pula, didapati ada peningkatan dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Secara keseluruhan, prestasi dalam Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris adalah memuaskan.

SOALAN NO. (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

TARIKH : 3 DISEMBER 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana kejayaan Program Kitar Semula (*recycle*) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan semenjak tahun 2001. Berapakah peruntukan tahunan mengikut negeri bagi program tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya, hasilnya adalah menggalakkan di mana berdasarkan kepada kejayaan jumlah bahan-bahan kitar semula yang berjaya dipungut oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia bagi tahun 2007 adalah 51,257,705.26 kg berbanding 511,538 kg pada tahun 2001. Peningkatan yang mendadak sebanyak 50,746,167 kg menunjukkan Program Kitar Semula yang dijalankan mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat tempatan.

Dalam hal ini, pihak Kementerian juga menjalankan beberapa program yang sesuai bagi meningkatkan Program Kitar Semula ini yang di antaranya ialah Program Infrastruktur seperti menyediakan tong-tong kitar semula dan membina pusat pengumpulan kitar semula, Program Kesedaran Awam iaitu promosi di media massa, klip video pendek, risalah kitar semula dan Projek Perintis Kitar Semula di Putrajaya.

Peruntukan yang telah diberikan kepada pihak berkuasa tempatan sejak program Program Kitar Semula Kebangsaan dijalankan pada tahun 2001 adalah sebanyak RM12,884,558.00 bagi membina pusat pengumpulan kitar semula dan menyediakan tong-tong kitar semula. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

1) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	RM100,000.00
2) Johor	-	RM1,375,000.00
3) Kedah	-	RM1,037,000.00
4) Melaka	-	RM570,000.00
5) Negeri Sembilan	-	RM1,034,860.00
6) Pahang	-	RM1,520,698.00
7) Perak	-	RM1,762,000.00
8) Perlis	-	RM150,000.00
9) Pulau Pinang	-	RM605,000.00
10) Sabah	-	RM930,000.00
11) Sarawak	-	RM1,730,000.00
12) Selangor	-	RM2,070,000.00
13) Terengganu	-	RM100,000.00
Jumlah Besar		<u>RM12,884,558.00</u>

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Disember 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU

TARIKH : 3 DISEMBER 2008

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menangkap dan menghantar pulang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Berapa lamakah tindakan ini dijalankan dan bagaimana dengan pemegang-pemegang dokumen pengenalan palsu.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan Malaysia secara berterusan telah melaksanakan operasi-operasi menangkap dan menghantar pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) antaranya Ops Nyah Bersepadu dan operasi-operasi harian yang dijalankan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan sebagainya.

Operasi Bersepadu penangkapan dan pengusiran pendatang asing tanpa izin di Negeri Sabah telah dilancarkan bermula pada 7 Ogos 2008 yang lalu dan masih dilaksanakan secara berterusan sehingga pada suatu tarikh tamat yang akan ditentukan kemudian di mana setelah kerajaan berpuas hati bahawa jumlah pendatang asing tanpa izin ini dapat dikurangkan kepada bilangan yang paling minima atau tiada langsung.

Anggota-anggota agensi penguatkuasaan yang terlibat semasa operasi akan memeriksa dokumen pengenalan diri para pendatang asing. Individu yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri ataupun mempunyai dokumen pengenalan diri yang meragukan akan ditangkap

untuk disiasat oleh agensi berkaitan sama ada Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Ketua Menteri Sabah atau Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan). Sekiranya OKT (orang kena tangkap) didapati bukan warganegara dan memasuki Malaysia secara haram, tinggal lebih masa atau dokumen yang dikemukakan didapati palsu, OKT akan ditahan reman dan didakwa di bawah Akta Imigresen 1953/69 atau Akta Pendaftaran Negara 1959 Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 mengikut seksyen-seksyen hukuman bagi kesalahan masing-masing yang diperuntukkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:27

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' MUKHRIZ BIN TUN**
DR. MAHATHIR (JERLUN)

TARIKH : **03 DISEMBER ,2008**
(RABU)

SOALAN : **DATO' MUKHRIZ BIN TUN**
DR. MAHATHIR minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan :-
kenapa harga padi di Kedah
dan Perlis begitu rendah
berbanding harga padi di
Selangor dan bolehkah harga
padi diseragamkan pada

kadar RM1,280.00/tan metrik
memandangkan pulangan
yang terlalu rendah sekiranya
harga dikekalkan pada kadar
RM900.00 hingga
RM950.00/tan metrik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Dewan Negara,

Harga Padi di pasaran tidak ditetapkan oleh Kerajaan tetapi ditentukan oleh penawaran dan permintaan di antara petani dengan pelesen membeli padi (pelesen) dan pengilang. Mengikut kajian yang dibuat pelesen akan menentukan harga belian berdasar kepada pemuatan dan kualiti padi yang akan dibeli. Harga tersebut berdasar pengiraan kepada harga beras yang ditentukan oleh Kerajaan selepas

mengambil kira 'recovery' kos dan keuntungan kepada pengilang, pemborong, dan peruncit. Di samping itu masa penuaian juga memainkan peranan di mana kawasan Barat Laut Selangor lebih dahulu dituai berbanding dengan Negeri Kedah. Pada masa tersebut kilang padi tidak mempunyai bekalan padi dan pertandingan harga untuk mendapat bekalan akan berlaku.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)**

TARIKH : 03.12.2008

SOALAN:

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah isi-isi perjanjian yang terkandung dalam MOU antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi menjadikan beberapa sekolah agama bantuan Kerajaan negeri diberi bantuan oleh Kerajaan pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) adalah usaha murni kerajaan untuk membantu sekolah-sekolah Agama Rakyat di Malaysia. Usaha-usaha ini telah bermula pada Ogos 2004 apabila Jawatankuasa Tan Sri Murad mencadangkan SAR perlu dibantu dan didaftarkan.

Sekolah-sekolah yang ingin mendaftar sebagai SABK akan menandatangani Memorendum Persefahaman (MoU) antara pihak kementerian setelah meneliti draf MoU. Pendaftaran ini menjadi syarat penyaluran bantuan kepada pihak sekolah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Isi-isi perjanjian yang terkandung dalam MoU antara KPM dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi menjadikan SABK diberi bantuan oleh Kerajaan Pusat secara umumnya adalah

sama dengan kandungan MoU SABK di negeri-negeri lain. Kandungan perjanjian itu termasuklah;

- (a) Pemilikan tanah dan bangunan kekal menjadi hak milik sekolah atau kerajaan negeri;
- (b) Kurikulum agama yang dilaksanakan sebelum ini dikekalkan; dan
- (c) Pelbagai bantuan dan kemudahan diberikan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bentuk-bentuk bantuan yang diberikan seperti penambahbaikan sistem pengurusan sekolah; mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran; menaiktaraf pengurusan sumber manusia; dan memperbaiki prasarana serta kemudahan sekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2008 (RABU)

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga 17 Ogos 2008 apakah tindakan yang telah diambil oleh Pejabat Peguam Negara dan BPR terhadap *recommendations* oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Klip Video VK Lingam, yang telah dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Mei 2008.

sama dengan kandungan MoU SABK di negeri-negeri lain. Kandungan perjanjian itu termasuklah;

- (a) Pemilikan tanah dan bangunan kekal menjadi hak milik sekolah atau kerajaan negeri;
- (b) Kurikulum agama yang dilaksanakan sebelum ini dikekalkan; dan
- (c) Pelbagai bantuan dan kemudahan diberikan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bentuk-bentuk bantuan yang diberikan seperti penambahbaikan sistem pengurusan sekolah; mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran; menaiktaraf pengurusan sumber manusia; dan memperbaiki prasarana serta kemudahan sekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2008 (RABU)

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga 17 Ogos 2008 apakah tindakan yang telah diambil oleh Pejabat Peguam Negara dan BPR terhadap *recommendations* oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Klip Video VK Lingam, yang telah dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Mei 2008.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan agensi penguatkuasaan yang berkaitan iaitu Polis Di-Raja Malaysia dan Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan siasatan ke atas hasil laporan Suruhanjaya Diraja mengenai video klip V.K Lingam tersebut. Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah mengambil tindakan dengan menjalankan siasatan lanjut terhadap beberapa individu seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya tersebut dari aspek kesalahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Siasatan BPR tertumpu kepada dua perkara iaitu percutian Tun Eusoff Chin di New Zealand bersama V.K. Lingam dan perkara berhubung dengan pelantikan hakim-hakim. Mengenai percutian Tun Eusoff Chin di New Zealand bersama V.K Lingam, siasatan telah selesai dan kertas siasatan mengenai perkara ini telah dihantar ke Jabatan Peguam Negara untuk kajian dan keputusan. Jabatan Peguam Negara sedang meneliti kes ini.

Mengenai perkara berhubung dengan pelantikan hakim-hakim pula, siasatan oleh BPR telah juga selesai dan kertas siasatan sedang diteliti oleh Peguam Kanan Persekutuan BPR.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN
NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]

TARIKH : 3 DIS 2008

SOALAN :

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG] MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN BILANGAN KONTRAKTOR
SELURUH NEGARA YANG MEMULANGKAN
KEMBALI 'LETTERS OF AWARD' KEPADA
KERAJAAN EKORAN KETIDAKUPAYAAN
MENANGGUNG PENINGKATAN KOS PROJEK DAN
APA LANGKAH KERAJAAN MEMBANTU MEREKA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, SEMENJAK JANUARI 2008 SEHINGGA SEPTEMBER 2008, SEBANYAK 32 PROJEK KERAJAAN DENGAN NILAI RM92.8 JUTA TELAH DITAWARKAN. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, HANYA 3 PROJEK KERAJAAN BERNILAI RM 39.8 JUTA (1.17%) YANG TIDAK MAMPU DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR YANG BERJAYA DISETUJUTERIMA ATAU YANG MEMULANGKAN KEMBALI 'LETTERS OF AWARD', ATAS ALASAN TIDAK SANGGUP MENANGGUNG KERUGIAN AKIBAT KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN. WALAUPUN BILANGAN KONTRAKTOR YANG TIDAK MAMPU MENERUSKAN PROJEK ADALAH KECIL, NAMUN KERAJAAN TETAP MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBANTU KONTRAKTOR DARI MENGALAMI KERUGIAN EKORAN KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN.

PIHAK KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBANTU KONTRAKTOR DARI MENGALAMI KERUGIAN EKORAN KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN. ANTARA BENTUK BANTUAN YANG DIBERIKAN ADALAH SEPERTI DI DALAM SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN (SPP) BIL. 3/2008 IAITU:

LANGKAH PERTAMA IALAH MELALUI SYARAT PERUBAHAN HARGA (VOP) YANG DIKEMASKINI DI MANA BAYARAN PERUBAHAN HARGA (VOP) UNTUK BESI KELULI AKAN MENGIKUT HARGA TRANSAKSI SEBENAR.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, SEBELUM INI, BESI KELULI ADALAH SALAH SATU DARIPADA 15 KOMPONEN BAHAN DALAM INDEK KOS BAHAN BINAAN DAN BAYARAN VOP ADALAH BERDASARKAN KEPADA PERGERAKAN INDEK TERSEBUT. KINI, BESI KELULI DIKELUARKAN DARI KOMPONEN 15 BAHAN DAN BAYARANNYA DIBUAT

SECARA BERASINGAN MENGIKUT PERBEZAAN HARGA UNIT.

BAGI PROJEK KONVENSIONAL UNTUK BANGUNAN, KEJURUTERAAN AWAM DAN MEKANIKAL, PENGIRAAN VOP DIKEBELAKANGKAN (*BACKDATE*) MULAI 1 JANUARI 2008. BAYARAN JUGA ADALAH 100% DARIPADA BAYARAN VOP. BAGI PROJEK KEJURUTERAAN AWAM YANG DILAKSANAKAN SECARA KONVENSIONAL JUGA, TERDAPAT TAMBAHAN BAHAN BINAAN DALAM INDEKS HARGA. CONTOH TAMBAHAN BAHAN BINAAN TERSEBUT IALAH SEPERTI PREMIX, BATU BAUR DAN PASIR.

BAGI PROJEK REKA DAN BINA UNTUK BANGUNAN, KEJURUTERAAN AWAM DAN MEKANIKAL, BAYARAN VOP UNTUK BESI KELULI ADALAH BERDASARKAN PERKONGSIAN SAMA RATA IAITU 50:50 YANG MANA DAHULUNYA TIDAK ADA DIPERUNTUKAN BAYARAN VOP. TETAPI KINI BAGI KONTRAK BARU, VOP UNTUK BESI KELULI AKAN DIPERUNTUKAN DALAM KONTRAK KERAJAAN. KELAYAKAN VOP JUGA

ADALAH BAGI NILAI KERJA YANG DILAKSANAKAN MULAI 1 JANUARI 2008.

LANGKAH YANG KEDUA IALAH MELALUI PEMBERIAN LANJUTAN MASA. SEMUA PROJEK SEDANG BERJALAN YANG TERJEJAS DENGAN MASALAH KENAIKAN HARGA LAYAK MENDAPAT LANJUTAN MASA SELAMA 3 BULAN. MANAKALA LANJUTAN MASA 1 TAHUN DIBERI BAGI PROJEK LEBUH RAYA PANTAI TIMUR FASA 2 (LPT2). WALAUBAGAIMANAPUN KONTRAKTOR TIDAK LAYAK MENUNTUT KOS DAN PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI KERJA-KERJA AWALAN KECUALI PELANJUTAN BON PELAKSANAAN DAN POLISI-POLISI INSURAN.

LANGKAH YANG KETIGA IALAH MELALUI KEKERAPAN BAYARAN KEMAJUAN DIMANA PENYEDIAAN BAYARAN INTERIM BAGI SEMUA PROJEK DIPERCEPATKAN IAITU SETIAP 2 MINGGU BERBANDING SETIAP 1 BULAN YANG DIAMALKAN SEKARANG.

LANGKAH KE EMPAT IALAH MELALUI PENAMATAN BERSAMA (*MUTUAL TERMINATION*) BAGI KONTRAKTOR YANG MASIH LAGI TIDAK MAMPU MENERUSKAN KERJA WALAUPUN BANTUAN MELALUI VOP TELAH DIBERIKAN.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 03.12.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian bercadang untuk membina Sekolah Menengah Agama di Petaling Jaya Selatan khususnya di DUN Taman Medan, memandangkan permintaan yang tinggi di kalangan penduduk beragama Islam; dan
- (b) berapa jumlah sekolah dan pelajar sekolah rendah agama di dalam kawasan Petaling Jaya Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Buat masa ini, tiada perancangan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk membina sekolah agama baru di Petaling Jaya Selatan khususnya di Dewan Undangan Negeri Taman Medan. Namun begitu, terdapat tiga (3) buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 23 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh negeri Selangor bagi memenuhi keperluan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama termasuk ibu bapa atau penjaga di DUN Taman Medan. Di samping itu, alternatif lain bagi memenuhi keperluan murid-murid mengikuti pendidikan Islam, selain

daripada Pendidikan Agama Islam yang diajar melalui Mata Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah, KPM juga menyediakan Aliran Pendidikan Agama Islam yang ditawarkan di SMKA, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Kelas Aliran Agama (KAA).

- (b) Pada masa ini, secara khususnya tiada sekolah rendah agama di bawah KPM di kawasan Petaling Jaya Selatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
(MAMBONG)
TARIKH : 03.12.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT [MAMBONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan tanggungjawab Kementerian terhadap pembangunan fizikal di sekolah-sekolah mubaligh di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap pembangunan fizikal di sekolah-sekolah mubaligh di Sarawak. Walau bagaimanapun peruntukan disalurkan berasaskan kepada keutamaan terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan sekolah dan keselesaan pembelajaran dan pengajaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI B. NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : 3 DISEMBER 2008
RUJUKAN : 1401

SOALAN :

**Tuan Zulkifli B. Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) apakah status report polis Sg. Way No. 1227/1998 dan apa tindakan susulan yang telah dan akan diambil; dan
- (b) apakah status report polis Gemas No. 1573/07 & Gemas No: 1614/07 dan apa tindakan susulan yang telah dan akan diambil dan mengapa tiada sebarang inkues dilaksanakan untuk mengenal pasti pembunuhan mangsa-mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Sungai Way Report 1227/1998 adalah satu report polis yang telah dibuat oleh penama HAREKRISHNA A/L SANASY pada 12 Febuari 1998 di Balai Polis Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor, berkaitan kehilangan lesen memandu kelas D (lesen percubaan). Report ini dibuat bertujuan untuk penama merujuk ke pihak Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mendapatkan lesen ganti. Report ini tidak mempunyai unsur jenayah dan oleh yang demikian ia tidak memerlukan siasatan lanjut oleh pihak polis.

Tuan Yang Dipertua,

Siasatan berkaitan Gemas Report : 1573/07 dan Gemas Report : 1614/07 iaitu kematian seorang anggota tentera bernama NORRAFIZUL BIN RAHIM di Kem 14 Rejimen Askar Melayu di Gemas, Negeri Sembilan. Siasatan telah dibuat oleh pihak polis dan kes tersebut telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Pada 21 MEI 2008, Timbalan Pendakwa Raya telah mengarahkan supaya kes

ini dirujuk kepada Mahkamah Majistret untuk diadakan inkues. Pihak polis masih menunggu tarikh tersebut daripada mahkamah.